

28/07/1997

Guru wajar perolehi elaun kerja lebih masa

Mohd Fuad Razali

AKHIRNYA Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi jawapannya kepada Kementerian Pendidikan mengenai tuntutan elaun kerja lebih masa seperti yang dipinta oleh kesatuan guru.

Menurut pekeliling yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah dan ditandatangani Pengarahnya, Dr Siti Hawa Ahmad, JPA memutuskan guru dan pensyarah yang bertugas di sekolah, politeknik dan maktab tidak layak membuat tuntutan itu memandangkan waktu bekerja mereka berbeza daripada waktu bekerja pejabat yang biasa. Hanya mereka yang bertugas di jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah sahaja layak membuat tuntutan itu.

Keputusan itu disambut dengan rasa penuh kecewa oleh kesatuan guru kerana sebelum ini Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Fong Chan Onn dan Ketua Pengarah Pendidikan yang lalu, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin pernah menyatakan Kementerian Pendidikan pada prinsipnya bersetuju dengan cadangan itu.

Oleh itu, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan membayangkan kemungkinan mengambil tindakan perusahaan sebagai protes terhadap keputusan itu. Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat pula mungkin mengarahkan ahlinya bertugas, termasuk mengendalikan kegiatan kokurikulum, mengikut masa persekolahan sahaja.

Kesatuan Guru-Guru Lepas Maktab Perguruan Malaysia (KGLMPM) mendesak kerajaan mewartakan segera waktu bertugas bagi guru. Presidennya, Muhammad Mustapha, berkata waktu yang ada sekarang ialah waktu persekolahan iaitu waktu pelajar belajar dan guru mengajar.

Berdasarkan alasan JPA, memang wajarlah bagi kerajaan mewartakan waktu bertugas bagi guru. Dengan itu mudahlah bagi guru bukan siswazah membuat tuntutan elaun kerja lebih masa.

Berbanding waktu bekerja selama lapan jam bagi kakitangan awam lain, tempoh guru berada di sekolah ketika ini adalah antara lima hingga enam jam.

Selagi waktu bekerja guru tidak diwartakan, selama itulah isu ini tidak akan dapat diselesaikan. Selama itulah makin sukar bagi guru untuk membuat tuntutan elaun kerja lebih masa. Malah, tidak adil rasanya untuk membuat keputusan guru tidak layak membuat tuntutan itu kerana pada hakikatnya mereka berhak berbuat demikian setaraf dengan kedudukan mereka yang diletakkan di dalam kategori Staf Sokongan - kategori yang sama dengan kerani dan pelayan pejabat!

Bagaimanapun, alasan waktu bekerja menyebabkan mereka hilang kelayakan untuk membuat tuntutan kerja lebih masa. Sebenarnya tuntutan kerja lebih masa hanyalah satu daripada beberapa isu yang sudah lama diperjuangkan oleh guru, terutama bukan siswazah.

Selama ini pun guru banyak kehilangan hak yang dinikmati oleh kakitangan kerajaan lain atas alasan waktu dan suasana bekerja yang berbeza.

Antaranya ialah pinjaman kenderaan, cuti tahunan (yang ada hanya cuti sambilan selama tujuh hari setahun) dan elaun makan. Malah tuntutan elaun pengangkutan sewaktu menghadiri kursus pun hanya dibenarkan setakat bayaran bagi satu tempat duduk (seorang penumpang) di dalam teksi sahaja.

Keadaan dalam profesion perguruan agak ganjil berbanding kerjaya lain dalam sektor awam kerana hak di atas hanya boleh dinikmati guru yang bertugas di peringkat pentadbiran, sekurang-kurangnya penolong kanan dan guru besar di sekolah, kemudian yang bertugas di pejabat pendidikan

daerah, jabatan pendidikan negeri dan agensi Kementerian Pendidikan.

Malah banyak lagi perkara yang `pelik' dalam kerjaya yang dikatakan profesional ini. Dalam hirarki di sekolah, staf sokongan ialah ketua kerani, kerani, pelayan pejabat dan pekerja am. Guru tidak disebut sebagai staf sokongan. Malah mereka adalah kakitangan utama di sekolah.

Hak itu bukan saja tidak dinikmati oleh guru bukan siswazah, tetapi juga guru siswazah atas alasan kerjaya mereka tidak memerlukan pergerakan luar kawasan tempat bekerja dan ada cuti persekolahan.

Bagaimanapun, jika diteliti peraturan itu mungkin sudah lapuk dan tidak seiring dengan perkembangan yang berlaku di sekolah. Tugas guru kini tidak terhad di dalam kawasan sekolah dan bilik darjah, tetapi mereka juga perlu menghadiri mesyuarat di pelbagai peringkat, membawa pelajar mengikuti kegiatan kurikulum dan kokurikulum di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan.

Malah kadangkala program itu bukan sahaja dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dan agensinya, tetapi juga dianjurkan oleh agensi kerajaan yang lain serta pihak swasta, yang kadangkala sekolah terpaksa menghantar guru dan pelajar masing-masing menyertainya. Sesetengahnya dijalankan pada hari Sabtu atau Ahad.

Tidak kurang juga yang memakan masa sehingga malam barulah sampai ke rumah. Masakan hendak pergi berjalan kaki atau naik bas, biasanya kereta gurulah yang menjadi sasaran, terutama jika dibuat di peringkat daerah. Sudahlah demikian difahamkan jika dibuat di dalam daerah, elaun perbatuan tidak boleh dituntut. Mujurlah pihak sekolah ada tabung sendiri maka bolehlah diberi sedikit duit minyak dan duit kopi untuk guru.

Kita yakin jika waktu bertugas untuk guru diwartakan - sudah tentu lapan jam seperti kakitangan awam lain - guru pasti menerima, secara suka atau tidak. Dalam keadaan sekarang yang kebanyakan sekolah mempunyai dua sesi (pagi dan petang) banyak yang boleh dilakukan oleh guru jika ia diwartakan.

Bagi guru yang mengajar pada waktu pagi, baki dua atau tiga jam itu boleh digunakan untuk menyelesaikan tugas utama mereka seperti menyemak latihan pelajar dan membuat persediaan mengajar. Begitu juga bagi guru yang bertugas pada sesi petang.

Mereka juga boleh menyelesaikan kerja `perkeranian' yang dipikul selama ini seperti menaip soalan ujian/peperiksaan, mengisi markah ujian/peperiksaan, mengisi pelbagai jenis borang, membuat susulan pelajar yang tidak hadir ke sekolah atau kelas, mengendalikan kegiatan kokurikulum dan banyak lagi.

Jika tidak, kedudukan profesion guru bukan siswazah dan Skim Saraan Baru sekarang perlu dikaji semula dan diletak dalam kategori Profesional kerana hakikatnya kerjaya guru adalah kerjaya profesional.

Jika tindakan kedua ini dilaksanakan (malah mungkin itu yang sepatutnya), implikasinya kerajaan perlu meningkatkan taraf kelayakan guru yang sedang berkhidmat sekarang dan diberikan kepada mereka hak yang selayaknya diperolehi oleh kakitangan dalam Kumpulan Profesional lain.

Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini memberi jaminan akan berbincang mengenai perkara itu dengan pihak kesatuan. Kita yakin Menteri Pendidikan yang selama ini iltizam dan prihatin dengan perjuangan guru itu sekali lagi akan mengotakan janjinya.

Apakah mungkin isu itu akhirnya akan dibincangkan sehingga di dalam mesyuarat Jemaah Menteri? Mungkinkah juga akhirnya Jemaah Menteri sendiri yang meluluskan tuntutan itu? Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri tentu lebih memahami keadaan ini kerana mereka pernah bergelumang bersama-sama guru sewaktu di Kementerian Pendidikan.

Kita faham tuntutan itu memang membabitkan jumlah kewangan yang besar kerana bilangan guru bukan siswazah adalah kira-kira 60 peratus daripada

jumlah guru yang ada dalam perkhidmatan perguruan di negara kita.

Bagaimanapun kita mungkin perlu berpandangan jauh. Kita semua mempunyai anak di sekolah dan kepada gurulah kita menggantungkan harapan untuk mendidik anak kita supaya menjadi pandai.

Jika kita meyakini pendidikan adalah wahana pembentukan masyarakat serta penyediaan sumber manusia bagi mengharungi alaf akan datang, kita mungkin perlu meningkatkan pelaburan kita untuk mereka yang berkhidmat dalam bidang perguruan.